

03 JAN 2003

Syed Hamid-Singapura

M'SIA PERTIMBANG TARIKH DICADANG S'PURA, KATA SYED HAMID

PUTRAJAYA, 3 Jan (Bernama) -- Malaysia akan menimbang tarikh 27 atau 28 Jan ini yang diberikan Singapura bagi kedua-dua negara menandatangani perjanjian khas bagi membawa isu Pulau Batu Puteh ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Bagaimanapun, beliau berkata Kuala Lumpur mungkin mencadangkan satu tarikh lain jika apa yang dicadangkan oleh Singapura itu didapati tidak sesuai.

Syed Hamid berkata tarikh yang dikemukakan itu, iaitu ketika berlangsungnya mesyuarat Asean-Kesatuan Eropah di Brussels, Belgium, terkandung dalam satu nota yang diterimanya daripada pihak Singapura hari ini.

"Kalau kita tak bersetuju dengan tarikh itu, kita akan cadangkan tarikh lain," katanya kepada pemberita pada majlis Aidilfitri kementeriannya di sini, hari ini. Ia turut dihadiri duta-duta asing.

Menurutnya, Malaysia sebelum ini telah menulis kepada kerajaan Singapura dan mencadangkan beberapa tarikh tetapi tidak dipersetujui oleh republik itu.

"Kita menulis kepada mereka beberapa kali dan mencadangkan banyak tarikh tahun lalu, enam atau tujuh tarikh dicadangkan," katanya, dan menambah kali terakhir ialah pada November.

Syed Hamid berkata ia adalah tidak tepat untuk menganggap bahawa apabila Singapura sudah memberi tarikh, maka ia akan diterima oleh Malaysia.

"Inilah reaksi pertama yang saya dapat. Jadi kita akan lihat bagaimana (ia berlaku). Sekiranya saya ada ketika itu, sudah tentu kita boleh, jika tidak kita akan cadangkan tarikh lain," katanya.

Beliau berkata beliau belum membuat keputusan sama ada akan menghadiri mesyuarat di Brussels atau tidak, sebab beliau mempunyai jadual ketat ketika itu.

Pada masa itu beliau baru sahaja kembali dari lawatan ke Lubnan dan sibuk membuat persiapan untuk sidang kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali di Kuala Lumpur bulan depan.

Singapura berbalah dengan Malaysia mengenai hak milik Pulau Batu Puteh, yang terletak hanya 7.7 batu nautika dari Johor dan 25 batu nautika dari Singapura.

Mengenai perkara lain, Syed Hamid membuat penjelasan bahawa beliau telah disalah lapor oleh sebuah akhbar harian berbahasa Malaysia, di Kuala Terengganu semalam mengenai reaksinya berhubung perutusan Tahun Baru Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir telah berkata bahawa sudah terdapat negara yang angkuh yang mendakwa bahawa mereka mempunyai hak untuk mengambil tindakan pencegahan atau mempertahankan diri dari awal yang boleh menjejaskan Malaysia.

Dalam artikel akhbar itu, Syed Hamid dipetik sebagai berkata bahawa negara yang dimaksudkan oleh Dr Mahathir ialah Singapura.

"Saya berkata ucapan PM adalah baik untuk mengingatkan rakyat Malaysia agar berwaspada sepanjang masa dan memamahi tentang keperluan untuk melindungi kedaulatan dan integriti kita," jelas Syed Hamid.

-- BERNAMA

FA MAM YBY HM